

**ANALISIS RESPON PENAWARAN GETAH  
ASLI DI KALANGAN PEKEBUN KECIL DI  
SABAH**



**JIM BIN JIPUN**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PERNIAGAAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2009**

**ANALISIS RESPON PENAWARAN GETAH  
ASLI DI KALANGAN PEKEBUN KECIL DI  
SABAH**

**JIM BIN JIPUN**



**UMS**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA**

**SEKOLAH PERNIAGAAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2009**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

**JUDUL : ANALYSIS RESPON PENAWARAN GETAH ASLI DI KALANGAN PEKEBUN KECIL DI SABAH**

**IJAZAH : SARJANA EKONOMI (EKONOMI PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN) SECARA PENYELIDIKAN**

**SESI PENGAJIAN : 2004 - 2009**

Saya, JIM BIN JIPUN mengaku membenarkan tesis sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran Institut Pengajian Tinggi.
4. TIDAK TERHAD

Disahkan oleh;

Penulis: JIM BIN JIPUN



Tarikh: 18 September 2009

TANDATANGAN PUSTAKAWAN

UMMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Penyelia: Prof. Madya Dr. Remali Yusoff

Catatan: \* Tesis dimaksudkan SEBAGAI TESIS Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)

## **PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

18 September 2009

---

Jim Bin Jipun  
PS04-002-142



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : **JIM BIN JIPUN**

NO. MATRIK : **PS04-002-142**

TAJUK : **ANALISIS RESPON PENAWARAN GETAH ASLI DI  
PEKEBUN KECIL DI SABAH**

IJAZAH : **SARJANA EKONOMI SECARA PENYELIDIKAN  
(EKONOMI PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN)**

TARIKH VIVA : **30 JULAI 2009**



**DIISYTIHAR OLEH**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

## PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Illahi kerana dianugerahkan kekuatan fizikal dan mental untuk menyiapkan tesis ini. Saya juga tidak lupa merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Universiti Malaysia Sabah kerana memberikan peluang kepada saya untuk melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana di universiti ini.

Saya juga merakamkan ribuan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Remali Yusoff (utama) dan En. Dullah Mulok (kedua) selaku penyelia saya yang tidak pernah jemu memberi bimbingan, tunjuk ajar, nasihat, dorongan dan teguran yang membina kepada saya dalam usaha menyempurnakan tesis ini. Ucapan terima kasih juga ditunjukkan kepada Jawatankuasa Tesis iaitu Prof. Dr. Fauzi Mohd. Jani, Dr. Fumitaka Furuoka, En. Rozilee Azid dan En. Mori Kogid atas ulasan dan tunjuk ajar serta cadangan-cadangan membina yang diberikan bagi menjayakan tesis ini. Tidak lupa juga diucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Madya Dr. Kasim Md. Mansur (Dekan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi) dan Pn. Sharija Che Shaari (Penyelaras Pelajar Pascasiswazah, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi) di atas bantuan dan sokongan moral yang berikan kepada saya dalam menjayakan tesis ini.

Seterusnya, saya juga ingin merakamkan rasa terima kasih kepada semua ahli keluarga khususnya Pn. Rembitun Binti Mangandom, yang telah banyak berkorban masa dan sentiasa mendoakan kejayaan ini. Akhirnya ucapan terima kasih kepada En. Dariman Hj. Darham, En. Vincent Liew, En. David S. K. Ang, Pn. Silia Lawrance, En. Thimotey Jaikon, Pn. Norlia Aziz dan semua pihak yang telah membantu saya sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan tesis ini. Semoga Tuhan memberkati jasa baik kalian.

18 September 2009

---

Jim Bin Jipun  
PS04-002-142


## **ABSTRAK**

### **ANALISIS RESPON PENAWARAN GETAH ASLI DI KALANGAN PEKEBUN KECIL DI SABAH**

Kajian ini mengenal pasti faktor utama yang mempengaruhi respon penawaran getah asli di kalangan pekebun kecil di Sabah. Justeru itu, sebuah struktur model respon penawaran getah asli di kalangan pekebun kecil getah di Sabah dibentuk dan dianggar dengan menggunakan data tahunan bagi tempoh 1971-2004. Struktur model berkenaan mengandungi tiga persamaan gelagat. Model yang dibentuk bersifat blok rekursif dan dianggar dengan menggunakan Kuasa Dua Terkecil Biasa (OLS) dan Kuasa Dua Terkecil Dua Peringkat (2SLS) dalam bentuk linear dalam log. Model ini menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi keluasan kawasan baru getah, keluasan kawasan getah matang dan pengeluaran getah asli di kalangan pekebun kecil di Sabah. Hasil kajian menunjukkan faktor-faktor penting yang mempengaruhi keluasan kawasan baru getah ialah harga getah tertanggung tiga tahun, perbelanjaan kerajaan ke atas pembangunan industri getah tertanggung tiga tahun dan bilangan buruh/pekebun kecil tertanggung tiga tahun. Keluasan kawasan getah matang dipengaruhi oleh keluasan kawasan getah matang tertanggung satu tahun, keluasan kawasan baru getah tertanggung satu tahun dan kawasan getah yang ditebang untuk ditanam semula getah dan lain-lain tanaman. Pengeluaran getah asli dipengaruhi oleh pengeluaran getah asli tertanggung satu tahun, keluasan kawasan getah matang dan harga getah semasai. Implikasi daripada kajian didapati bahawa memastikan harga getah yang baik, meningkatkan perbelanjaan kerajaan ke atas pembangunan industri getah, penanaman getah pada saiz kebun yang sesuai dan penggunaan teknologi pertanian adalah penting bagi mengekalkan dan meningkatkan perkembangan industri getah asli di Sabah. Di samping itu penilaian model juga dilakukan untuk menilai kesesuaian model tersebut antara yang sebenar dengan yang dianggar.


## **ABSTRACT**

*The objective of the study is to identify the factors influencing the natural rubber supply response by smallholders in Sabah. A structure model of Sabah Smallholders Rubber Industry is estimated using annual data for the 1971-2004 periods. The structural model consists of three behavioural equations. A block recursive functional form is used an estimated using the Ordinary Least Squares (OLS) and Two Stage Least Squares (2SLS) in the log linear form. The model was used to estimate influence of various factors on the rubber new area size, the rubber matured area size, and the production of natural rubber by smallholders in Sabah. The analysis result showed that the rubber new area size by smallholders in Sabah was influenced by price of rubber (own price) lag three years, government expenses to development of the natural rubber industry lag three years and labour/smallholder amount lag three years. Likewise, the rubber matured area size was influenced by the rubber matured area size lag a year, the rubber new area size lag a year and the rubber lose area size for replanting by rubber or others crops. In the aspect of natural rubber production, natural rubber production lag a year, rubber matured area size and current price of rubber (own price) is influenced it. The implication of the study reveals that be a guarantee of the natural rubber price is in good level, increasing by government expenses to development of natural rubber industry, rubber planting in suitably size and apply of agricultural technology are important for maintaining and enhancing the development of Sabahan's natural rubber industry. Besides, the model assessment also will be taking to make sure the accuracy of model specifically between real value and estimated value.*



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH





UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


## SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
<b>SENARAI SIMBOL</b>	xvi
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Senario Pembangunan Industri Sektor Pekebun Kecil Getah Di Sabah	2
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Metodologi Kajian	9
1.5.1 Pembentukan Model	9
1.5.2 Penganggaran Parameter	9
1.6 Kepentingan Kajian	10
1.7 Hipotesis Kajian	10
1.8 Skop Kajian	11
1.9 Batasan Kajian	11
1.10 Organisasi Kajian	12
<b>BAB 2: CIRI-CIRI UTAMA INDUSTRI SEKTOR PEKEBUN KECIL GETAH DI SABAH</b>	14
2.1 Sejarah Industri Getah Di Sabah	14
2.2 Perkembangan Industri Getah Di Sabah, 1971-2004	15
2.3 Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Peningkatan Dalam Pengeluaran Getah Asli Sektor Pekebun Kecil Di Sabah, 1971-2004	19
2.4 Jenis-Jenis Klon Getah Yang Ditanam Di Sabah	20
2.5 Taburan Kawasan Tanam Getah dan Bilangan Pekebun Kecil Di Sabah	21
2.6 Penjualan Getah Asli Di Sabah	24
2.6.1 Penjualan Seberang Laut (Eksport)	24
2.6.2 Penjualan Tempatan	25
2.7 Eksport Getah Asli Negeri Sabah	28
2.8 Harga Getah Asli Di Sabah, 1971-2004	30
2.9 Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Harga Getah Di Sabah	31
2.10 Dasar dan Strategi Pelaksanaan Dasar Industri Getah Di Sabah	32

2.10.1	Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS)	32
2.10.2	Objektif Penubuhan LIGS	34
2.10.3	Fungsi Utama LIGS	34
2.10.4	Dasar-Dasar Sokongan – Peringkat Lembaga	35
2.10.5	Strategi Pelaksanaan Dasar	38
2.10.6	Program dan Projek Bagi Merealisasikan Strategi	40
2.11	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Perkembangan Industri Getah Di Sabah	42
2.11.1	Penanaman Semula Getah Dengan Klon Lateks Balak	42
2.11.2	Penanaman Baru Getah Dengan Klon Lateks Balak	42
2.11.3	Program Latihan	43
2.11.4	Program Pusat Pemprosesan Getah Berkelompok	43
2.11.5	Program Semaian dan Pembekalan Bibit/Benih Pokok Getah	43
2.11.6	Program Kegiatan-Kegiatan Komersial	43
2.12	2.12 Pemindahan dan Penggunaan Teknologi Moden	44
2.1.2.1	Latihan Untuk Pekebun Kecil	44
2.1.2.2	Pembinaan Pusat Memproses Getah Berkelompok (PMPG)	44
2.1.2.3	Sistem Torehan Intensiti Rendah (LITS)	45
2.13	Industri Hiliran Berasaskan Hasil Getah Di Sabah	45
2.1.3.1	Tranformasi Produk Getah dan Pemprosesan Hiliran	46
2.13.2	Faedah-Faedah Berasaskan Industri Hiliran	49
2.14	Strategi Pemasaran Getah Asli Sektor Pekebun Kecil Di Sabah	51
2.14.1	Menaik Taraf Jalan Pertanian	51
2.14.2	Kemudahan Pembelian Getah	51
2.14.3	Kemudahan Pemprosesan	52
2.15	Gelakan Kerajaan Terhadap Perkembangan Industri Sektor Pekebun Kecil Getah Di Sabah	53
2.15.1	Intensif Harga Getah	53
2.15.2	Bantuan dan Aktiviti Pelbagai Luar Bandar Untuk Membantu Pekebun Kecil Getah	53
2.15.3	Bantuan Sara Hidup	54
2.16	Kesimpulan	54
<b>BAB 3: SOROTAN LITERATUR</b>		55
3.1	Pengenalan	55
3.2	Konsep dan Definisi Yang Digunakan Dalam Kajian	55
3.2.1	Getah ( <i>Heava</i> )	55
3.2.2	Pekebun Kecil Getah (PKG)	55
3.2.3	Kawasan Baru Getah	56
3.2.4	Kawasan Getah Matang	56
3.2.5	Pengeluaran Getah Asli	56
3.2.6	Eksport	57
3.2.7	Siri Masa Proksi Kepada Teknologi	57
3.2.8	Harga	57
3.3	Teori-Teori Ekonomi Yang Berkaitan Dengan Variabel Kajian	58
3.3.1	Teori Penawaran	58

3.3.2	Keanjalan	60
3.4	Tinjauan Kajian Lepas	61
3.5	Rumusan Kajian-Kajian Lepas	111
3.6	Kesimpulan	121
<b>BAB 4:</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	122
4.1	Pengenalan	122
4.2	Metodologi Pembentukan Model Respon Penawaran Getah Asli Di Kalangan Pekebun Kecil Di Sabah	122
4.2.1	Spesifikasi Model	122
4.2.2	Kaedah Penganggaran Parameter	123
4.3	Metodologi Pembentukan Model Komoditi	123
4.4	Kerangka Model Respon Penawaran Getah Asli	125
4.5	Pembinaan Model Respon Penawaran Getah Asli Di Kalangan Pekebun Kecil Di Sabah	128
4.5.1	Model Keluasan Kawasan Baru Getah	128
4.5.2	Model Keluasan Kawasan Getah Matang	133
4.5.3	Model Penawaran Getah Asli	136
4.6	Proses Tranminasi Model	140
4.7	Sumber Data	144
4.8	Analisis Data	144
4.9	Kesimpulan	145
<b>BAB 5:</b>	<b>KEPUTUSAN KAJIAN</b>	146
5.1	Pengenalan	146
5.2	Keputusan Penganggaran Secara Umum	146
5.3	Keputusan Empirikal	147
5.3.1	Persamaan Keluasan Kawasan Baru Getah	148
5.3.2	Persamaan Keluasan Kawasan Getah Matang	153
5.3.3	Persamaan Penawaran Getah Asli	158
5.4	Keputusan Simulasi	162
5.5	Pengujian Hipotesis	169
5.5.1	Harga Getah Merupakan Faktor Penting Yang Mempengaruhi Keputusan Para Pekebun Kecil Di Sabah Untuk Menanam Getah	169
5.5.2	Terdapat Persaingan Di Antara Getah Dengan Tanaman Komersial Lain (Tanaman Pengganti) Sama Ada Dalam Penggunaan Tanah Pertanian Atau Sebagai Sumber Pendapatan Utama Di Kalangan Para Pekebun Kecil Di Sabah	170
5.5.3	Para Pekebun Kecil Di Sabah Masih Lagi Bergantung Kepada Bantuan Daripada Kerajaan Dalam Aktiviti Penanaman Getah	171
5.5.4	Para Pekebun Kecil Di Sabah Tidak Menggunakan Teknologi Secara Melaus Dalam Aktiviti Penanaman Getah	172
5.6	Kesimpulan	173

<b>BAB 6: RUMUSAN KAJIAN</b>	174
6.1 Pengenalan	174
6.2 Ringkasan Kajian	174
6.2.1 Keluasan Kawasan Baru Getah	174
6.2.2 Keluasan Kawasan Getah Matang	175
6.2.3 Penawaran Getah Asli.	176
6.3 Implikasi Dasar	177
6.3.1 Harga Getah Yang Baik	177
6.3.2 Meningkatkan Perbelanjaan Kerajaan Ke Atas Pembangunan Industri Getah	178
6.3.3 Penggunaan Teknologi Pertanian	179
6.3.4 Penanaman Getah Pada Saiz Kebun Yang Sesuai	180
6.4 Saranan Kajian Setrusnya	180
6.5 Kesimpulan	181
<b>BIBLIOGRAFI</b>	182
<b>GLOSARI</b>	192




UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 1.1	Purata keluasan kawasan getah sektor pekebun kecil di Sabah	3
Jadual 1.2	Purata keluasan kawasan getah matang sektor pekebun kecil di Sabah	4
Jadual 1.3	Purata pengeluaran getah asli sektor pekebun kecil di Sabah	5
Jadual 2.5:	Keluasan kawasan getah dan bilangan pekebun kecil di Sabah	23
Jadual 2.6.1	Penjualan getah SMR Sabah ke seberang laut	25
Jadual 2.6.2	Penjualan getah SMR Sabah kepada pembeli tempatan	27
Jadual 2.7.1	Produk yang diperbuat daripada getah SMR Sabah	28
Jadual 2.7.2	Eksport getah asli Malaysia	29
Jadual 2.12.1	Jumlah pekebun kecil yang diberi latihan	44
Jadual 2.12.2	Jumlah pusat memproses getah berkelompok yang dibina	45
Jadual 2.13.2	Senarai unit perkhidmatan pemasaran LIGS di Sabah	51
Jadual 2.13.3	Senarai unit pembelian getah LIGS di Sabah	52
Jadual 4.5	Definisi dan variabel model	143
Jadual 5.3.1	Keputusan penganggaran persamaan keluasan kawasan baru getah sektor pekebun kecil di Sabah	148
Jadual 5.3.2	Nilai keanjalan keluasan kawasan baru getah sektor pekebun kecil di Sabah	152
Jadual 5.3.3	Keputusan penganggaran persamaan keluasan kawasan getah matang sektor pekebun kecil di Sabah	153
Jadual 5.3.4	Nilai keanjalan keluasan kawasan getah matang sektor pekebun kecil di Sabah	157
Jadual 5.3.5	Keputusan penganggaran persamaan penawaran getah asli sektor pekebun kecil di Sabah	158
Jadual 5.3.6	Nilai keanjalan penawaran getah asli sektor pekebun kecil di Sabah	161
Jadual 5.4.1	Keputusan statistik simulasi RMSE, MAE & MAPE	163
Jadual 5.4.2	Keputusan statistik simulasi (U)	164
Jadual 5.4.3	Perbandingan nilai sebenar dan nilai dianggarkan	165

Jadual 5.5.1	Keputusan analisis regresi bagi model keluasan kawasan baru getah sektor pekebun kecil: Pengujian hipotesis 1	169
Jadual 5.5.2	Keputusan analisis regresi bagi model keluasan kawasan baru getah sektor pekebun kecil: Pengujian hipotesis 2	170
Jadual 5.5.3	Keputusan analisis regresi bagi model keluasan kawasan baru getah sektor pekebun kecil: Pengujian hipotesis 3	171
Jadual 5.5.4	Keputusan analisis regresi bagi model penawaran getah asli sektor pekebun kecil: Pengujian hipotesis 4	172



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 2.2.1	Purata penanaman getah sektor pekebun kecil di Sabah, 1971-2004	15
Rajah 2.2.2	Keluasan getah sektor pekebun kecil di Sabah, 1971-2004	17
Rajah 2.2.3	Keluasan kawasan getah matang sektor pekebun kecil di Sabah, 1971-2004	18
Rajah 2.2.4	Pengeluaran getah asli sektor pekebun kecil di Sabah, 1971-2004	19
Rajah 2.5	Kawasan tanaman getah di Sabah	22
Rajah 2.8.1	Harga getah asli di Sabah, 1971-2004	30
Rajah 2.13.1	Carta alir pengeluaran dan pemprosesan hiliran getah di Sabah	48
Rajah 4.5	Carta alir struktur model respon penawaran getah asli di kalangan pekebun kecil di Sabah	142
Rajah 5.4.1	Simulasi garis dasar persamaan keluasan kawasan baru getah di kalangan Pekebun kecil di Sabah, 1971-2004	166
Rajah 5.4.2	Simulasi garis dasar persamaan keluasan kawasan getah matang di kalangan Pekebun kecil di Sabah, 1971-2004	167
Rajah 5.4.3	Simulasi garis dasar persamaan penawaran getah asli di kalangan Pekebun kecil di Sabah, 1971-2004	168



## SENARAI LAMPIRAN

		Halaman
Lampiran A	Definisi Variabel-Variabel Yang Digunakan Dalam Kajian.	193
Lampiran B	Penentuan Pencaman Model Persamaan Yang Digunakan Dalam Kajian	194
Lampiran C	Ujian Kestabilan Parameter Model Persamaan Yang Digunakan Dalam Kajian	202
Lampiran D	Ujian Normalisasi Data Yang Digunakan Dalam Kajian	205
Lampiran E	Penganggaran Model Persamaan Yang Digunakan Dalam Kajian	207
Lampiran F	Ujian Autokorelasi Bagi Model Yang Digunakan Dalam Kajian	211
Lampiran G	Ujian Heteroskidastisiti Bagi Model Yang Digunakan Dalam Kajian	219
Lampiran H	Ujian Multikolineariti Antara Variabel Penerang Dalam Model Persamaan Yang Digunakan Dalam Kajian	226
Lampiran I	Ujian Kesalahan Spesifikasi Terhadap Model Persamaan Yang Digunakan Dalam Kajian	229
Lampiran J	Ujian Unit Root Terhadap Parameter Siri Masa Yang Digunakan Dalam Kajian	232
Lampiran K	Rajah <i>Residual</i> Bagi Model Penganggaran Yang Digunakan Dalam Kajian	235
Lampiran L	Simulasi Bagi Model Persamaan Yang Digunakan Dalam Kajian	238
Lampiran M	Senarai Rajah Bagi Variabel-Variabel Yang Digunakan Dalam Kajian	243
Lampiran N	Ujian Pemilihan Nilai Tangguhan Terhadap Variabel-Variabel Dalam Model Persamaan Yang Digunakan Dalam Kajian	246
Lampiran O	Senarai Data-Data Kajian	247

## SENARAI SINGKATAN

FELCRA	-	<i>Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Persekutuan</i>
FELDA	-	<i>Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan</i>
IOD	-	<i>Bahagian Operasi Perindustrian</i>
KDNK	-	Keluaran Dalam Negara Kasar
KGK	-	Kandungan Getah Kering
LGM	-	Lembaga Getah Malaysia
LIGS	-	Lembaga Industri Getah Sabah
LITS	-	Sistem Torehan Intensiti Rendah
LM	-	Lagrange Multipler
OLS	-	Kuasa Dua Terkecil Biasa
PKG	-	Pekebun Kecil Getah
PMBG	-	Pusat Memproses Getah Berkelompok
PPKG	-	Perusahaan Pekebun Kecil Getah
RISDA	-	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Getah
RM	-	Ringgit Malaysia
SMR	-	Getah Mutu Malaysia ( <i>Standard Malaysian Rubber</i> )
SPKG	-	Sektor Pekebun Kecil Getah
USS	-	Getah Kepingan Tidak Di asap
CPO	-	Kelapa sawit mentah



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI SIMBOL

$cm^3$	-	Sentimeter padu
DF	-	Darjah kebebasan
D.W	-	Durbin-Watson
$F^C$	-	Statistik F ujian Chow
JB	-	Jarque-Bera
P	-	Kemungkinan ( <i>Probability</i> )
S.D	-	Sisihan piawai ( <i>Standard deviation</i> )
S.E	-	<i>Standard error</i>
t	-	Statistik-t
$nR^2$	-	R kuasa dua pemerhatian ( <i>Observation R Square</i> )
$R^2$	-	R kuasa dua ( <i>R Square</i> )
$\Delta$	-	<i>Perubahan</i>
$\beta$	-	Beta
&	-	Dan
%	-	Peratus
=	-	Sama dengan
$\neq$	-	Tidak sama dengan
$\sigma$	-	Varians ( <i>Variance</i> )



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1. Pengenalan

Perkebunan kecil getah merupakan salah satu kegiatan utama ekonomi Malaysia khususnya dalam pembangunan sosioekonomi penduduk luar bandar. Walaupun sektor ini telah mengalami berbagai-bagai bentuk diskriminasi '*vis-a-vis*' sektor estet dan sektor lain dalam ekonomi negara tetapi kegiatan industri sektor pekebun kecil getah berjaya mencatatkan beberapa kemajuan yang membolehkan sektor ini bertahan untuk menghadapi berbagai-bagai cabaran dan keadaan pasaran getah asli dunia (Mohd. Hafiah Piei dan Faridah Shahadan, 1988:162).

Pada akhir 1980an berlaku peralihan sektor estet getah kepada tanamantanaman kelapa sawit, buah-buahan dan perusahaan lain menyebabkan syer pengeluaran getah Malaysia berubah kepada sektor pekebun kecil. Walaupun demikian, komoditi getah masih penting sebagai asas pergantungan kepada lebih 400,000 orang pekebun dan merupakan salah satu penyumbang kepada KDNK dan juga sebagai bahan mentah kepada industri hiliran negara. Sehubungan dengan itu, industri penanaman getah Malaysia adalah dianggap strategik dalam membekalkan bahan mentah kepada industri pembuatan berasaskan getah dan kayu getah (Lembaga Getah Malaysia, 2003:1).

Pekebun kecil getah merupakan salah satu komponen penting dalam sektor pertanian iaitu sebagai penyumbang utama kepada industri getah negara. Pada masa ini getah dianggap sebagai tanaman sektor pekebun kecil dengan syer keluasan tanaman 82 peratus dan menyumbang 72 peratus pengeluaran bahan mentah selepas sektor estet mempelbagaikan aktiviti pertanian mereka ke arah penanaman kelapa sawit atau aktiviti perladangan lain yang lebih menguntungkan (Lembaga Getah Malaysia, 2003:1).

## **1.2. Senario Pembangunan Industri Sektor Pekebun Kecil Getah Di Sabah**

Industri sektor pekebun kecil getah merupakan salah satu kegiatan pertanian yang paling popular dan dinamik di negeri Sabah. Walaupun komoditi getah kurang menguntungkan berbanding komoditi lain seperti kelapa sawit, koko dan kopi tetapi komoditi getah merupakan tanaman yang sesuai dan mudah dilaksanakan di sektor pekebun kecil. Ini kerana kos bagi penanaman getah adalah rendah berbanding komoditi komersial lain. Oleh itu, kerajaan tidak pernah mengetepikan sektor pekebun kecil getah dalam merancang apa-apa pembangunan khususnya untuk meningkatkan pendapatan penduduk di luar bandar dan untuk mengatasi masalah kemiskinan.

Sejak dari awal pembangunan iaitu sekitar 1940an, sektor pekebun kecil getah (SPKG) di Sabah telah mengalami berbagai-bagai perubahan. Perubahan-perubahan ini dapat digambarkan dengan jelas melalui Jadual 1.1, Jadual 1.2 dan Jadual 1.3. Purata keluasan kawasan getah sektor pekebun kecil di Sabah pada tahun 1970an ialah 62,952 hektar, sementara purata keluasan di bawah hasil tinggi ialah 58,347 hektar. Purata keluasan kawasan getah ini meningkat pada tahun 1980an kepada 75,206 hektar atau naik sebanyak 19.38 peratus tetapi keluasan getah di bawah hasil tinggi telah mengalami penurunan kepada 53,073 hektar atau turun sebanyak 9.04 peratus.

Pada tahun 1990an purata keluasan kawasan getah terus meningkat kepada 81,931 hektar atau naik sebanyak 9.09 peratus tetapi purata keluasan kawasan di bawah hasil tinggi pula terus menurun kepada 48,603 hektar atau turun sebanyak 8.42 peratus. Namun pada awal tahun 2000an, purata keluasan kawasan getah telah mengalami penurunan kepada 69,078 hektar atau turun sebanyak 15.69 peratus tetapi purata keluasan kawasan di bawah hasil tinggi meningkat sedikit kepada 51,324 hektar atau naik sebanyak 5.6 peratus. Secara keseluruhan, keluasan kawasan getah sektor pekebun kecil di Sabah dari tahun 1970an hingga awal tahun 2000an telah mengalami peningkatan yang menggalakkan iaitu meningkat daripada 50,478 hektar kepada 53,710 hektar atau naik sebanyak 28

peratus. Jadual 1.1 menunjukkan purata keluasan kawasan getah sektor pekebun kecil di Sabah.

**Jadual 1.1: Purata keluasan kawasan getah sektor pekebun kecil di Sabah**

	Keluasan kawasan getah (Hektar)	Peratus Perubahan (%)	Keluasan kawasan getah di bawah hasil tinggi (Hektar)	Peratus Perubahan (%)
1970an	62,912	-	58,347	-
1980an	75,106	19.38	53,073	-9.04
1990an	81,931	9.09	48,603	-8.42
2000an*	69,078	-15.69	51,324	5.60

(\*) Dari tahun 2001-2004

Sumber: Lembaga Industri Getah Sabah  
Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari segi purata keluasan kawasan getah matang didapati telah berlaku sedikit proses pembesaran kawasan iaitu daripada 56,627 hektar pada tahun 1970an kepada 58,289 hektar pada tahun 2000an atau naik sebanyak 2.9 peratus. Purata keluasan kawasan getah matang sektor pekebun kecil di Sabah pada tahun 1970an ialah 56,627 hektar. Seluas 40,684 hektar daripadanya adalah getah matang muda berekonomi dan 15,943 hektar lagi adalah getah matang tua tidak berekonomi. Purata keluasan getah matang ini telah mengalami sedikit peningkatan pada tahun 1980an iaitu meningkat kepada 57,719 hektar atau naik sebanyak 1.93 peratus. Manakala purata keluasan getah matang muda berekonomi mengalami penurunan kepada 30,914 hektar atau turun sebanyak 24.1 peratus tetapi purata keluasan getah matang tua tidak berekonomi telah mengalami peningkatan yang besar kepada 26,805 hektar atau naik sebanyak 68.12 peratus.

Pada tahun 1990an purata keluasan getah matang terus meningkat kepada 65,255 hektar atau naik sebanyak 13.06 peratus. Purata keluasan getah matang muda berekonomi dan keluasan getah matang tua tidak berekonomi juga turut mengalami peningkatan iaitu masing-masing meningkat kepada 31,926 hektar (naik sebanyak 3.27%) dan 33,328 hektar (naik sebanyak 24.34%). Namun, pada awal

tahun 2000an purata keluasan getah matang menurun kepada 58,289 hektar atau turun sebanyak 10.68 peratus. Purata keluasan getah matang muda berekonomi dan keluasan getah matang tua tidak berekonomi juga turut mengalami penurunan iaitu masing-masing menurun kepada 26,232 hektar (turun sebanyak 17.83%) dan 32,059 hektar (turun sebanyak 30.61%). Jadual 1.2 menunjukkan purata keluasan kawasan getah matang sektor pekebun kecil di Sabah.

Pada tahun 1970an hingga awal tahun 2000an, jumlah pengeluaran getah sektor pekebun kecil getah (SPKG) di Sabah memperlihatkan trend yang tidak konsisten. Di mana purata pengeluaran getah asli sektor pekebun kecil pada tahun 1970an adalah sebanyak 23,633 tan metrik dan semua hasil keluaran ini telah dieksport. Pada tahun 1980an purata pengeluaran dan sumbangan sektor pekebun kecil ke atas eksport getah asli negeri Sabah mengalami sedikit penurunan iaitu menurun kepada 21,899 tan metrik atau turun sebanyak 7.3 peratus. Namun pada tahun 1990an, purata pengeluaran getah asli dan sumbangan sektor pekebun kecil ke atas eksport getah asli negeri Sabah telah mengalami peningkatan yang menggalakkan iaitu masing-masing meningkat kepada 26,117 tan metrik (meningkat sebanyak 19.3%) dan 27,054 tan metrik (meningkat sebanyak 23.5%).

**Jadual 1.2: Purata keluasan kawasan getah matang sektor pekebun kecil di Sabah**

	Keluasan kawasan getah Matang (Hektar)	Peratus Perubahan (%)	Keluasan kawasan getah matang muda berekonomi (Hektar)	Peratus Perubahan (%)	Keluasan kawasan getah matang tua tidak berekonomi (Hektar)	Peratus Perubahan (%)
1970an	56,627	-	40,684	-	15,943	-
1980an	57,719	1.93	30,914	-24.10	26,805	68.12
1990an	65,255	13.06	31,926	3.27	33,328	24.34
2000an*	58,289	-10.68	26,232	-17.83	43,531	30.61

(\* ) Dari tahun 2001-2004

Sumber: Lembaga Industri Getah Sabah  
Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada awal tahun 2000an purata pengeluaran getah asli sektor pekebun kecil sekali lagi mengalami peningkatan yang tinggi kepada 43,531 tan metrik atau naik sebanyak 66.7 peratus tetapi sumbangan sektor pekebun kecil ke atas eksport getah asli negeri Sabah mengalami sedikit penurunan kepada 26,808 tan metrik atau turun sebanyak 4.1 peratus. Jadual 1.4 menunjukkan purata pengeluaran getah asli sektor pekebun kecil di Sabah.

**Jadual 1.3: Purata pengeluaran getah asli sektor pekebun kecil di Sabah**

	Pengeluaran (Tan Metrik)	Peratus Perubahan (%)	Sumbangan Terhadap Eksport (Tan Metrik)	Peratus Perubahan (%)
1970an	23,633	-	23,653	-
1980an	21,899	-7.34	21,899	-7.42
1990an	26,117	19.26	27,954	27.65
2000an*	43,531	66.68	26,808	-1.11

(\*) Dari tahun 2001-2004

Sumber: Lembaga Industri Getah Sabah  
Jabatan Perangkaan Malaysia

### 1.3. Pernyataan Masalah

Senario ekonomi Malaysia masa kini menunjukkan sumbangan dari sektor pertanian terhadap KDNK negara adalah semakin penting. Tanaman getah merupakan salah satu komoditi utama yang amat berpotensi untuk menyumbang kepada KDNK negara ekoran daripada kenaikan pada harga getah itu sendiri. Selain itu, komoditi getah juga merupakan asas pergantungan kepada lebih 400,000 orang pekebun dan sebagai bahan mentah kepada industri hiliran negara. Sehubungan dengan itu, industri penanaman getah Malaysia adalah dianggap strategik dalam membekalkan bahan mentah kepada industri pembuatan berasaskan getah dan kayu getah (Lembaga Getah Malaysia, 2003:1).

Walaupun demikian, tinjauan ke atas perkembangan industri ini di Sabah pada masa lepas menunjukkan keadaan yang tidak konsisten dan stabil. Jadual 1.1, Jadual 1.2 dan Jadual 1.3 masing-masing menunjukkan dengan jelas tentang hala tuju perkembangan dan perubahan industri sektor pekebun kecil getah di Sabah